PENDAKWA RAYA

lwn.

WONG CHEW HONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-35-87]
7 MEI 1990

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Mencabar kebolehpercayaan keterangan saksi - Keterangan saksi yang bertentangan - Sama ada kedekatan fizikal sudah cukup membuktikan milikan - Sama ada tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah - Beban menyangkal anggapan statutori - Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) ss. 39B(1)(a), 39B(2).*

Pada 5 Februari 1987 kira-kira jam 12.30 pagi sepasukan polis yang diketuai oleh (SP3) telah menyerbu sebuah rumah di Jalan Barat Off Jalan Imbi Kuala Lumpur. Pada ketika serbuan dibuat, pihak polis telah menemui di ruang tengah rumah seorang perempuan Cina (SP7) bersama anaknya. Mereka juga menemui dalam bilik pertama tertuduh, yang pada masa itu sedang duduk mengadap sebuah meja. Di atas meja itu pihak polis menjumpai dadah berbahaya. Setelah pemeriksaan lanjut dijalankan, pihak polis telah menemui di bawah katil dalam bilik pertama itu sebatang paip candu dan alat-alat lain. Tertuduh dan barang-barang kes telah dibawa oleh SP3 ke pejabat polis dan seterusnya ditangkap.

Barang-barang kes berkenaan telah diserahkan kepada SP5 yang mana kemudiannya telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. Setelah selesai dianalisis oleh SP4, barang kes tersebut telah dipulangkan semula kepada SP5. Barang kes tersebut akhirnya disimpan di Setor Barang Kes CAD. Pada 26 Mac 1990 SP5 telah mengambil barang kes tersebut dari setor untuk dibawa ke Mahkamah. Ia berkata bahawa barang kes tersebut telah terkena minyak.

Semasa perbicaraan, kebolehpercayaan keterangan SP7 dan seorang lagi saksi SP8 telah dicabar oleh Timbalan Pendakwa Raya dan cabaran ini telah dibenarkan oleh Mahkamah yang kemudiannya memutuskan bahawa ada kes untuk di jawab oleh tertuduh.

Dalam pembelaannya, tertuduh menyatakan bahawa ia berada di rumah berkenaan kerana menziarahi anak perempuannya (SP8) dan bertemu dengan abangnya.

Yang menjadi isu dalam kes ini ialah fakta kedekatan fizikal tertuduh dengan candu yang menjadi hal perkara tindakan - samada ini sudah cukup untuk membuktikan milikan. Timbalan Pendakwa Raya menghujah bahawa kedekatan itu sudah cukup membuktikan milikan.

Diputuskan:

[1] Keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pembela bertentangan antara satu sama lain, menjadikan pembelaan tertuduh bertambah dicurigai dan disangsikan; keterangan yang berlawanan begini adalah satu kelemahan utama bagi kes pihak pembela.

[2] Hanya dengan cerita tertuduh bahawa abangnya telah ditahan di bawah seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya dan pernah terlibat dengan aktiviti pengedaran candu belum cukup untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa; malahan ia memperkuatkan lagi kes pendakwa oleh sebab ternyata tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya tersebut.

[3] Dari segi undang-undang, beban menyangkal anggapan statutori di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya adalah terletak pada tertuduh; oleh kerana tertuduh telah gagal melaksanakan beban pembuktian ini, Mahkamah berpendapat bahawa kedekatan fizikal tertuduh dengan candu berkenaan, disokong dengan fakta bahawa bilik tersebut dihuni oleh anak perempuan tertuduh yang dilawatinya setiap minggu, ternyata bahawa dadah tersebut dimiliki sepenuhnya oleh tertuduh.

[4] Pihak Pendakwa telah membuktikan kesnya dengan tidak ada was-was yang munasabah; oleh yang demikian Mahkamah mendapati sabit kesalahan tertuduh.

[Perintah sewajarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Public Prosecutor lwn. Subramaniam & Anor. [1956] 22 MLJ 58
Public Prosecutor lwn. Wong Yee Sen & Ors. [1990] 1 MLJ 187
Tua Kin Ling lwn. PP. [1970] 2 MLJ 61
Public Prosecutor lwn. Foo Jua Eng [1966] 1 MLJ 197

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 112
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), 39B, (1)(a), (2)
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 6(1)

Bagi pihak pendakwa raya - Kok Keng Fai, Timbalam Pendakwa Raya
Bagi pihak Yang Tertuduh - Gurbachan Singh Pannu dan Kartar Singh; T/n. Bachan & Kartar

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik PK:

Tertuduh telah dibicarakan atas tuduhan pindaan seperti yang berikut:

> Bahawa kamu, pada 5 Februari 1987, lebih kurang jam 12.30 pagi di rumah No. 53-7A, Jalan Barat, Off Jalam Imbi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya, iaitu candu masak jumlah seberat 609.25 gram dan candu mentah jumlah seberat 1382.27 gram dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Faktanya adalah seperti berikut. Pada 5 Februari 1987, kira-kira pukul 12.30 pagi, satu pasukan polis yang diketuai oleh Insp Megat Mohd Aminuddin (SP3) yang bertindak atas satu maklumat yang diterima telah membuat satu serbuan ke rumah No. 53-7A, Jalan Barat, Off Jalan Imbi, dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Anggota lain yang ikut sama ialah Insp. Hassan Jalalludin Abdul Malek, D/Kpl. Khabri Dollah, DPC 63172 Zakee Hussein. DPC 63202 Jaafar Mahadon, DPC 69387 Abdul Razak Abdul Majid dan Kpl./W. 68102 Norlia Mohamad.

Pasukan SP3 telah masuk ke rumah tersebut melalui pintu berpalang besi yang tertutup rapat tetapi tidak berkunci. Di ruang tengah SP3 menemui seorang perempuan Cina bersama dengan seorang anaknya yang sedang tidur. SP3 mendapati pintu bilik pertama terbuka dan menerusinya beliau ternampak seorang lelaki Cina di dalamnya. Lelaki Cina tersebut yang memakai seluar pendek tanpa baju sedang duduk mengadap sebuah meja bulat (P35). Di atas P35, SP3 menjumpai:

(1) 80 keping kertas di mana setiap keping mengandungi candu [P8 (1-80)]

(ii) 15 keping kertas yang sudah berlipat dan setiap lipatan mengandungi candu (P10 (1-15))

(iii) Satu bekas plastik (P12) yang disyaki berisi candu.

(iv) Satu mangkuk porselin (P13) yang disyaki berisi candu

(v) Satu bungkusan berwarna kuning (P16) yang dibalut dengan plastik (P15) yang disyaki mengandungi candu dan

(vi) Satu dacing buatan sendiri (P18).

Perempuan tersebut kemudiannya dikenali sebagai Wong Jut Ha (SP7), manakala lelaki China tersebut kemudiannya dikenali sebagai Wong Chew Hong iaitu tertuduh dalam kes ini.

SP3 telah merampas barang kes yang tersebut di atas dan menangkap tertuduh.

Kemudian SP3 telah memeriksa bilik kedua dan di bawah katil dalam bilik tersebut SP3 menjumpai:

(i) Satu batang paip candu beserta dengan kepalanya [P20]

(ii) Satu bantal (blok) porselin [P22]

(iii) Satu lampu minyak [P25]

(iv) Satu corong tempat minyak [P31]

(v) Lima alat pengorek candu yang terdiri daripada 3 sudip (spatula) [P27A-C] dan 2 cucukan (prick) [P28 A & B]

dan

(vi) Dua biji pinggan ayan [P33A & B].

SP3 telah membawa tertuduh dan barang kes yang dirampas balik ke pejabatnya dengan menaiki sebuah van polis. Di pejabatnya beliau telah menandakan pada setiap barang kes tersebut tandatangan ringkasnya dan juga menurunkan tarikh rampasan itu dibuat. Beliau telah membuat satu laporan polis mengenai tangkapan tersebut iaitu Laporan Polis Jalan Bandar No. 1993-4/87 [P4]. Kira-kira pukul 4.20 pagi beliau telah menyerahkan barang kes yang telah ditandakan tadi bersama dengan tertuduh kepada Insp. Zakaria Mohd Noor [SP5] pegawai penyiasat kes ini. Ini telah diakui oleh SP5 melalui borang Akaun Penerimaan yang ditandai P5 sebagai barang kes.

Dalam keterangannya SP5 telah menyatakan bahawa beliau kemudiannya telah membungkus barang kes tersebut dalam 6 sampul surat yang ditandakan dengan huruf besar E1 hingga E4, F1 dan F5 dan juga dalam 5 bungkusan yang ditandakan dengan huruf besar F2 hingga F4, F6 dan F7. Seterusnya SP5 berkata bahawa beliau telah menghantar keenam-enam sampul surat dan kelima-lima bungkusan tersebut ke Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 13 Februari 1987.

Encik Pua Hiang (SP4) seorang ahli kimia di Jabatan Kimia Petaling Jaya telah menyatakan dalam keterangannya bahawa pada 13 Februari 1987 kira-kira pukul 3.10 petang beliau telah menerima daripada SP5, 6 sampul surat yang bertanda dengan huruf besar E1 hingga E4, F1 dan F5 dan juga 5 bungkusan yang bertanda huruf besar F2 hingga F4, F6 dan F7; kesemuanya dimeteri dengan meteri PDRM 341. SP4 seterusnya berkata bahawa beliau telah mengeluarkan satu resit Akaun Penerimaan yang ditandatanganinya sendiri dan ditandai P34 sebagai barang kes.

SP4 telah memeriksa dan menganalisis barang kes tersebut dan didapatinya:

(i) Dalam sampul surat bertanda E1[P7] yang berisi 80 peket kertas yang mengandungi jumlah seberat 35.71 gram (bersih) candu masak [P8 (1-80)] yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(ii) Dalam sampul surat bertanda E2[P9] yang berisi 15 peket kertas yang mengandungi jumlah seberat 7.22 gram (bersih) candu masak [P10(1-15)] yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(iii) Dalam sampul surat bertanda E3[P11] yang berisi satu mangkuk porselin [P13] dan satu bekas plastic [P12] yang masing-masing mengandungi jumlah seberat 539.36 gram (bersih) dan jumlah seberat 26.96 gram (bersih) candu masak yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(iv) Dalam sampul surat bertanda E4[P14] yang berisi satu beg plastik [P15] yang mengandungi jumlah seberat 1,382.27 gram (bersih) candu mentah [P16] yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(v) Dalam sampul surat bertanda F1[P17] berisi satu dacing buatan sendiri [P18] yang ada kesan candu masak yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(vi) Dalam bungkusan bertanda F2 [P19] yang berisi sebatang paip candu beserta dengan kepalanya [P20] yang ada kesan candu masak yang seperti yang ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(vii) Dalam bungkusan bertanda F3[P21] yang berisi satu bantal (blok) porselin [P22] yang ada kesan candu masak yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(viii) Dalam bungkusan bertanda F4[P23] yang berisi satu beg plastik merah jambu (P24) yang mengandungi satu lampu minyak [P25] yang ada kesan candu masak yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(ix) Dalam sampul surat bertanda F5[P26] yang berisi 3 batang sudip (spatula) [P27A-C] dan 2 batang cucukan (prick) [P28 A & B] yang masing-masing ada kesan candu masak yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

(x) Dalam bungkusan bertanda F6[P29] yang berisi satu beg plastik merah jambu [P30] yang mengandungi corong tempat minyak [P31] yang berisi 172mm minyak tetapi tidak ada kesan candu, sisa candu (candu dross) dan candu masak.

(xi) Dalam bungkusan bertanda F7[P32] yang berisi 2 biji pinggan ayan (P33 A & B) yang masing-masing ada kesan candu masak yang seperti ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

Setelah dianalisis SP4 telah menaruhkan semula barang kes tersebut ke dalam sampul surat dan bungkusan berkenaan dan memeterikan dengan meteri Jabatan Kimia Petaling Jaya Satu. Beliau telah memulangkan semula semua barang kes tersebut kepada SP5 pada 20 Ogos 1987 pukul 11.10 pagi.

Perkara ini telah diakui sendiri oleh SP5 yang telah menyatakan dalam keterangannya bahawa beliau telah mengambil semula kesemua barang kes tersebut daripada SP4 pada 20 Ogos 1987.

Seterusnya SP5 berkata bahawa beliau telah menyimpan barang kes tersebut di Setor Barang Kes di CAD IPK Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur dan mendaftarkan penyimpanannya di sana. Pada 26 Mac 1990 beliau telah membawa sendiri barang kes tersebut ke mahkamah dari setor tersebut. Beliau selanjutnya berkata bahawa pada kali ini barang kes tersebut telah terkena minyak yang telah tumpah daripada barang kes tersebut.

SP5 juga berkata bahawa beliau telah pergi ke tempat kejadian pada 6 Februari 1987 bersama-sama dengan DPC 63202 Jaafar Mahadon, DPC 69387 Abd. Razak Majid, seorang jurugambar, tertuduh dan Yee Choo See suami kepada SP7. Beliau telah berkata bahawa beliau telah membawa suami SP7, oleh sebab dia telah datang ke pejabatnya bertanyakan isterinya iaitu SP7. Beliau seterusnya berkata bahawa beliau dan rombonganya telah masuk ke rumah No. 53-7A, Jalan Barat tersebut yang dibuka oleh Yee Choo See. Beliau berkata bahawa beliau telah mengarahkan jurugambar mengambil gambar di tempat kejadian tersebut dan gambar tersebut telah dijadikan barang kes dan ditandai P3A-L. Beliau juga berkata bahawa beliau telah membuat satu rajah kasar yang dijadikan barang kes dan ditandainya P6.

Mengenai tuan punya rumah No. 53-7A, Jalan Barat tersebut SP5 seterusnya berkata bahawa dari bil api [P36] dan bil air [P37] didapati ada tertulis di atasnya nama Chang Chi Wong, Chang Wai Keong [SP6] dalam keterangannya menyatakan bahawa Chang Chi Wong adalah bapanya yang telah meninggal dunia pada suatu masa dalam tahun 1987. SP6 seterusnya berkata bahawa beliau dan abangnya mewarisi rumah tersebut sekarang.

Seterusnya SP5 telah berkata bahawa beliau telah pergi semula ke rumah tersebut pada 7 Februari 1987 pada pukul 10.00 malam dan menunggu di sana selama satu hingga dua jam tetapi didapati tiada orang. Beliau telah berkata bahawa beliau telah pergi lagi sekali ke rumah tersebut pada 10 Februari 1987 pada pukul 8 pagi dan menunggu di sana selama dua jam tetapi didapati tiada juga orang. Pada 12 Februari 1987 pada pukul 11.00 malam beliau telah pergi ke rumah tersebut dan menunggu di sana selama tiga jam tetapi didapati tiada siapa di sana.

Dalam kes pihak Pendakwa. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana Encik Kok Keng Fai telah mencabar kebolehpercayaan SP7 dan Wong Foong Ching (SP8) oleh sebab masing-masing telah memberikan keterangan lisan di Mahkamah yang bertentangan sama sekali dengan keterangan bertulis mereka kepada pihak polis. Keterangan bertulis tersebut telah dijadikan barang kes dan masing-masing ditandai P40 dan P42. SP7 mengakui memberikan pernyataan bertulis di bawah seksyen 112 Kanun Acara Jenayah kepada polis manakala SP8 pun mengakui yang serupa juga tetapi mendakwa bahawa sebahagian daripada pernyataan tersebut (P42) bukan datang daripadanya. Oleh hal yang demikian ASP Toh Chin Seong (RW1) pegawai perakam bagi kedua-dua pernyataan tersebut (P40 dan P42) telah dipanggil untuk membuktikan P40 dan P42. ASP Toh telah memberikan keterangan atas sumpah. Dalam keterangannya ASP Toh mengatakan bahawa beliau telah memberitahu SP7 dan SP8 bahawa mereka hendaklah menjawab semua soalan yang dimajukan kepada mereka melainkan soalan di mana jawapannya menyebabkan mereka dibabitkan pada sesuatu tuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan; dan mereka juga wajib bercakap benar.

Perkara ini telah diakui benar oleh SP7 dan SP8. Seterusnya ASP Toh telah berkata bahawa selesai merakam kedua-dua pernyataan tersebut beliau telah membacakannya semula kepada SP7 dan SP8, sambil memberi peluang kepada mereka untuk membuat pembetulan sebagai yang dikehendaki oleh mereka. Dalam P40 muka surat 3 baris 13 hingga 15 tertulis, "Statement read over to the witness and confirmed to be true."

Q: Have you anything to say before I conclude?

A: No.

Q: Does the above represent the truth of what you know?

A: Yes

Dalam P42 mukasurat 4 baris 58 hingga 62 tertulis, "Statement read over to the witness and confirmed to be true."

Q: Have you any alterations or corrections to make before I conclude?

A: No.

Dan kedua-dua SP7 dan SP8 telah menurunkan tandatangan mereka pada setiap mukasurat dalam pernyataan mereka masing-masing.

Berhubung dengan hujah Peguambela bahawa pernyataan di bawah seksyen 112 Kanun Acara Jenayah hendaklah dirakam dalam bentuk soalan dan jawapan. Hakim Buhagiar telah memutuskan "...(2) it is not essential under seksyen 112(ii) of the Criminal Procedure that the statement in a police investigation should be rendered in the form of a question and answer ..." (Lihat *Public Prosecutor lwn. Subramaniam & Anor*. [1956] 22 MLJ 58.

Saya telah membenarkan pencabaran kebolehpercayaan SP7 dan SP8 dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan setelah melanggar dan meneliti keterangan yang diberikan oleh kedua-dua mereka dalam pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula dan juga setelah mendengar dan meneliti kesemua keterangan mereka secara menyeluruh di akhir kes pendakwaan, saya telah memutuskan bahawa penjelasan yang diberikan oleh kedua-dua mereka adalah tidak munasabah dan juga tidak boleh dipercayai. Oleh sebab Timbalan Pendakwa Raya telah berjaya mencabar kebolehpercayaan SP7 dan SP8, saya telah menapis keterangan lisan mereka di Mahkamah dan hanya menerima bahagian yang saya fikirkan andal. [Lihat *Public Prosecutor lwn. Wong Yee Sen & Ors.* [1990] 2 CLJ (Rep) 902 mukasurat 905 di mana Faiza Tamby Chik, JC berkata,

> Therefore, if a witness is successfully impeached, the judge may reject his evidence in its entirety; or after sieving the evidence, accept the part considered reliable. (See *Tua Kin Ling lwn. PP* [1970] 2 MLJ 61). But this must be done at the end of the case for the prosecution or defence, as the case may be.]

Adalah jelas dalam keterangan bahawa tertuduh didapati sedang duduk dengan hanya memakai seluar pendek tanpa baju mengadap candu masak seberat:

(i) 35.71 gram (bersih) (P8(1-80))

(ii) 7.22 gram (bersih) (P10(1-15))

(iii) 26.96 gram (bersih)(P12)

(iv) 539.36 gram (bersih)(P13) dan candu mentah seberat:

(v) 1,382.27 gram (bersih) (P16)

yang kesemua candu tersebut berada kira-kira setengah kaki sahaja jaraknya daripada tertuduh dan candu tersebut terletak di atas sebuah meja bulat (P35). Dan candu masak jumlah seberat 609.25 gram dan candu mentah jumlah seberat 1,382.27 gram tersebut adalah menjadi hal perkara tuduhan terhadap tertuduh dalam kes ini.

Di atas fakta di atas, nyatalah bahawa ada kes untuk dijawab oleh tertuduh dan saya memutuskannya demikian. Dalam pembelaannya tertuduh telah berkata dalam pemeriksaan utamanya bahawa beliau telah menyewa sebuah bilik di No. 84, Petaling Street, Kuala Lumpur. Seterusnya beliau berkata bahawa beliau melawat rumah No. 53-7A Jalan Barat Off Jalan Imbi, Kuala Lumpur sekali seminggu [dan mengikut keterangan Wong Yat Oon (SB2) pula pada kebiasaannya tertuduh melawat ke sana pada hari Sabtu atau Ahad] untuk bertemu dengan anak perempuannya Wong Foong Ching (SP8) [dan mengikut keterangan Wong Jut Ha (SP7) pula juga untuk bertemu dengan abangnya Wong Chew Chye. Tetapi, bila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya tertuduh berkata"...but I visited often, twice a week". Dalam pemeriksaan utamanya peguambelanya telah bertanya. "Which room was your daughter

occupying?" Tertuduh menjawap. "Room Number One. At times, when I visited my daughter. I saw Madam Leong (Weng Cheng) was also in Room Number One." Fakta ini telah disokong oleh SP7, SB2, Wong Yut Ling (SB3), dan SP8 sendiri.

Pada hari kejadian tersebut tertuduh telah berkata bahawa abangnya Wong Chew Chye telah mempelawanya makan malam di Restoran Tai Tong dan beliau telah sampai ke rumah No. 53-7A, Jalan Barat sebelum pukul 7 malam dan menunggu di bawah sebab beliau tidak mempunyai kunci rumah tersebut. Selepas itu abangnya, Madam Leong, SP7 dan suami SP7 Yee Choo Sen beserta anak perempuan mereka SB3 dan teman lelakinya (SP7 dalam keterangannya berkata, "a friend by the name of Chow Yee Yoon) SB2 dan beliau kesemuanya telah pergi ke Restoran Tai Tong. Selepas itu kira-kira pukul 9.00 malam abangnya, Madam Leong, SP7 beserta anak perempuannya dan beliau telah pergi ke rumah emak saudaranya di Salak South New Village, dengan menaiki sebuah kereta jenis Honda car yang dipandu oleh Madam Leong dan mengikut keterangan SB2 manakala suami SP7 Yee Choo Sen, SB3 dan SB2 telah pergi ke rumah emak SP7 Seng Woke Ying di 22-4B, Jalan Horley, off Jalan Imbi, Kuala Lumpur untuk bermain Mahjong, selanjutnya tertuduh telah berkata bahawa mereka telah meninggalkan Salak South New Village, dan pulang semula ke rumah No. 53-7A, Jalan Barat kira-kira pukul 10.00 lebih malam. Menurutnya lagi, abangnya dan Madam Leong telah masuk ke bilik pertama manakala beliau hanya duduk menanti di ruang tengah. Selanjutnya tertuduh berkata bahawa sejurus kemudian Madam Leong bergegas menyuruh abangnya meninggalkan rumah tersebut bersamanya untuk keluar minum: sambil itu juga Madam Leong menyuruh SP7 bergegas pergi ke rumah emaknya di 22-4B, Jalan Horley mencadangkan pergi bermain mahjong. Tertuduh seterusnya berkata bahawa pada masa itupun beliau hendak meninggalkan rumah tersebut tetapi telah disuruh oleh abangnya menunggu di rumah tersebut sehingga dia (abangnya) pulang. Tertuduh lagi berkata bahawa abangnya akan pulang dalam masa setengah jam. Sepeninggalan abangnya dan Madam Leong tertuduh berkata bahawa SP7 telah memberitahunya bahawa dia (SP7) tidak mahu pergi ke rumah emaknya untuk bermain mahjong oleh sebab dia berasa mengantuk disebabkan telah pergi ke disko untuk beberapa malam yang lepas. Tertuduh seterusnya berkata bahawa kira-kira pukul 12.30 pagi pada hari kejadian tersebut beliau sedang duduk di atas lantai di muka pintu bilik pertama dengan membelakangkannya sambil memakai cermin mata membaca suratkhabar Cina Sin Jew Jit Poh dan Nanyang Siang Pau. Beliau berkata bahawa beliau berbuat demikian disebabkan lampu di bilik pertama itu rendah sedangkan lampu di ruang tengah itu agak tinggi menyebabkan beliau susah hendak membaca.

Seperkara lagi tertuduh menyatakan apabila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa pada hari kejadian tersebut beliau telah minum (arak) semasa makan malam di Restoran Tai Tong. Oleh sebab itu beliau berasa pening dan penglihatannya menjadi kabur. Oleh hal yang demikian beliau tidak sedar samada abangnya dan Madam Leong menukar pakaian mereka atau tidak sebelum mereka keluar rumah tersebut untuk pergi minum. Dan oleh sebab yang sama juga tertuduh berkata bahawa beliau tidak nampak meja bulat (P35) di dalam bilik pertama tersebut. Seterusnya tertuduh berkata bahawa apabila polis datang selepas pukul 12.00 pagi beliau sedang "steam" dan tertuduh menjelaskan bahawa perkataan "steam" bermakna "tipsy" iaitu mabuk. Dan lagi tertuduh menyatakan apabila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa sepeninggalan abangnya dan Madam Leong beliau telah menanggalkan pakaiannya oleh sebab berasa panas dan mengikut keterangan SP7, tertuduh kemudiannya hanya memakai seluar pendek tanpa baju.

Wong Yat Oon (SB2) adalah saksi kedua bagi pihak pembela dan beliau telah memberikan keterangan bersumpah di Mahkamah. Encik Kok Keng Fai, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, telah mencabar kebolehpercayaan SB2 oleh sebab keterangan lisannya di Mahkamah

bertentangan dengan keterangan bertulisnya kepada polis. Keterangan bertulisnya kepada polis ini telah dijadikan barang kes dan ditandai P43. Saya telah membenarkan pencabaran kebolehpercayaan SB2 oleh Timbalan Pendakwa Raya. Setelah mendengar dan meneliti keterangan yang diberikan oleh SB2 dalam pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula dan juga setelah mendengar dan memeriksa dengan cermat kesemua keterangannya secara menyeluruh di akhir kes pembelaan, saya telah meluluskan bahawa penjelasan yang diberikan olehnya adalah tidak munasabah. Tambahan pula SB2 sendiri tidak mahu menerangkan lebih lanjut apabila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya. SB2 berkata, "Normally no receipt given for rental paid. I have nothing else to say." Apabila disoalbalas lagi oleh Timbalan Pendakwa Raya di bahagian lain SB2 berkata, "I spent little time in the house but I knew who occupied the rooms. I have nothing else to say. I do not wish to explain further." Oleh hal yang demikian saya tidak menerima dan mempedulikan keterangannya di Mahkamah. Oleh sebab Timbalan Pendakwa Raya telah berjaya mencabar kebolehpercayaannya, saya telah tidak mengendahkan testimoninya di Mahkamah.

Saksi pembela seterusnya iaitu Wong Yut Ling (SB3) yang memberikan keterangan atas sumpah. Keterangannya berkisar disekeliling perkara penghuni-rumah No.53-7A Jalan Barat dan kaum keluarganya sahaja. Tetapi dalam kes ini pihak pendakwa hanya bergantung kepada pendekatan fizikal tertuduh dengan candu yang menjadi hal perkara tuduhan. Oleh itu seperti yang dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa soal penghuni rumah tersebut tidak relevan sama sekali.

Satu perkara yang ketara dalam kes ini adalah keterangan yang bertentangan yang diberikan oleh Wong Yat Kwan (SB6), SB2 dan SP7 dan ini telah melemahkan kes pihak pembela. Dalam keterangan atas sumpahnya di Mahkamah SB6 telah berkata, bila mendapat tahu tertuduh telah ditangkap. "I came back on 5 February 1987 itself. I went back to 53A-7A (Jalan Barat). I went back to 53A-7A (Jalan Barat) twice. Yes, my brother Wong Yat Oon (SB2) and Wong Foong Ching (SP8) stayed there...The house was still occupied by my brother (SB2) and my cousin sister (SP8). Sedangkan SP8 dalam keterangannya di Mahkamah berkata bila mendapat tahu tertuduh telah ditangkap. "I came back the next day after receiving the phone call. I did not go to 53-7A (Jalan Barat) because my father was arrested at that house. I was frightened. I did not know who stayed there after my father's arrest." SP8 sebenarnya menyatakan bahawa sekembalinya dari Singapura, dia tinggal di Cheras selama dua, tiga bulan sebelum berpindah ke Jalan Kasipilay. SB2 pula dalam keterangannya berkata, "I did not stay there that night. I did not stay there the following night. After a long time I went back to stay there for about 3 or 4 months, then I moved out.

Dalam kes ini pihak pendakwa bergantung kepada kedekatan fizikal tertuduh dengan candu yang menjadi hal perkara tuduhan untuk membuktikan milikan. Dan untuk menyokong pendapat ini. Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan kes *Public Prosecutor lwn. Foo Jua Eng* [1966] 1 MLJ 197, di mana Raja Azlan Shah H. (pada masa itu seorang Hakim) berkata:

> With regard to the mental element, the learned magistrate rightly directed his mind that knowledge or circumstances would depend on the surrounding circumstances. However, he failed to direct his mind adequately on the facts. He directed his mind to the circumstance when the respondent tried to close the door on PW1. But he failed to consider the other circumstances which, taken together, may well be that the element of possession was proved. That circumstance is the physical proximity of the respondent to the exhibit in question.

Di dalam kes tersebut pihak polis telah menemui pihak responden di dalam sebuah bilik kira-kira tiga kaki jaraknya daripada sebuah meja berhias di mana di atasnya terletak barang kes tersebut. Sama dengan kes tersebut, Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa dalam kes ini tertuduh telah ditemui duduk di dalam bilik pertama mengadap sebuah meja bulat (P35),

kira-kira setengah kaki sahaja jaraknya daripada candu yang terletak di atas meja tersebut dan candu tersebut menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini. Oleh hal yang demikian, hujah Timbalan Pendakwa Raya, candu tersebut adalah di dalam jagaan atau di bawah kawalan tertuduh dan oleh hal yang demikian s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 terterap. Dengan demikian hujahnya lagi pihak pendakwa telah membuktikan anggapan di bawah s. 37(d) Akta tersebut berhubung dengan milikan dan pengetahuan.

Adalah tanggungjawab Mahkamah untuk mempertimbangkan cerita yang dikemukakan oleh pihak pembela dan cerita pihak pembela boleh mengakibatkan salah satu daripada tiga keputusan iaitu jika Mahkamah yakin tentang kebenaran cerita tertuduh atau cerita tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebersalahannya maka Mahkamah mestilah membebaskan tertuduh. Adakalanya cerita pihak pembela pula memperkuatkan lagi kes pihak pendakwa dan dalam keadaan demikian Mahkamah terpaksa mendapati tertuduh bersalah.

Cerita tertuduh pula ialah begini, pada hari kejadian tersebut beliau sedang duduk di atas kerusi di muka pintu bilik pertama dengan membelakangkannya sambil memakai cermin mata membaca suratkhabar Cina Sin Jew Jit Poh dan Nanyang Siang Pau. Beliau seterusnya berkata bahawa beliau duduk di muka pintu bilik pertama sambil membelakangkannya oleh sebab lampu di bilik pertama itu rendah sedangkan lampu di ruang tengah itu agak tinggi menyebabkan beliau susah hendak membaca. Dengan kata-kata lain tertuduh bermaksud bahawa lampu di bilik pertama itu lebih terang daripada lampu di ruang tengah. Tetapi ini adalah bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh anak perempuannya Wong Foong Ching (SP8) yang bila disoalbalas oleh peguambela tertuduh menyatakan bahawa lampu di ruang tengah adalah lebih terang. Kata SP8, "Outside Room One is the hall. The lighting in the hall is brighter".

Dan lagi dalam keterangan atas sumpahnya tertuduh mengaku bahawa beliau ada minum (arak) di majlis makan malam di Restoran Tai Tong pada malam kejadian tersebut. Tertuduh seterusnya berkata bahawa bila beliau kembali dan berada di rumah No. 53-7A, Jalan Barat, selepas itu, beliau berasa pening kepala dan penglihatannya menjadi kabur. Beliau juga mengaku bahawa beliau mabuk dan berasa panas badan dan oleh itu telah menanggalkan pakaiannya dan cuma berseluar pendek sahaja. Oleh hal yang demikian jikalau diterima kesemua pengakuannya ini, iaitu tertuduh pening kepala, penglihatannya kabur, mabuk dan berseluar pendek saja kerana panas, maka keterangannya bahawa beliau sedang duduk di lantai di muka pintu bilik pertama, sambil membelakangkannya, sambil membaca suratkhabar Cina Nanyang Siang Pau dan Sin Jew Jit Poh tidak dapat dipercayai dan adalah rekaannya semata-mata. Tambahan pula tidak ada keterangan lain dalam kes ini yang boleh membantu membuktikan bahawa tertuduh ada membaca suratkhabar di waktu kejadian tersebut. Malahan bila disoalbalas oleh peguambela tertuduh, SP3 berkata. "Saya jumpa tertuduh di dalam bilik pertama." Dia tidak ada pegang suratkhabar Cina.

Tertuduh juga telah menimbulkan fakta bahawa beliau dan Madam Leong adalah bermusuh-musuhan dan oleh itu perhubungan mereka adalah sentiasa tegang. Bahkan tertuduh berkata bahawa pada malam kejadian tersebut, selepas mereka semua balik dari Salak South New Village, Madam Leong telah bergegas menyuruh abangnya dan SP7 meninggalkan rumah tersebut supaya tertuduh tinggal berseorangan di rumah tersebut. Dengan kata-kata lain tertuduh cuba menghujahkan bahawa beliau telah cuba dianiaya oleh Madam Leong. Seperkara lagi tertuduh juga mengatakan dalam keterangan bahawa Madam Leong dan abangnya adalah kaki candu yang teruk. Oleh hal yang demikian jikalau diterima kesemua tuduhannya ini, iaitu Madam Leong memusuhinya, oleh itu dia (Madam Leong) cuba menganiayanya, dan abangnya serta Madam Leong adalah kaki candu yang teruk maka kedua-dua perkara ini tidak dapat

menyangkal fakta bahawa beliau mengetahui candu tersebut oleh sebab tidak ada sezarah keteranganpun dalam kes ini yang menunjukkan bahawa Madam Leong telah cuba menganiayanya dan ketegahan teruk candu oleh kedua-dua Madam Leong dan abangnya ada kena mengena dengan tuduhan yang dihadapkan terhadapnya.

Tertuduh mengemukakan keterangan bahawa abangnya Wong Chew Chye telah menghadapi tuduhan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya di Mahkamah Tinggi Shah Alam (D50) dan telah ditahan di bawah seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (D46A) dengan alasan, "bahawa (Wong Chew Chye) pernah ada terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya jenis candu" berasaskan empat tuduhan yang disebutkan dalam barang kes ditandai D46B. Tetapi setelah menelitinya jelas kepada saya D50 tidak ada kena mengena dengan kes ini. Tetapi berlawanan dengan keterangan D46 A & B; tertuduh dalam pernyataan beramarannya di mukasurat 2, baris 11 hingga 13 telah berkata bila disoal oleh polis, "*Soalan*: Adakah awak hendak tambah atau pinda percakapan awak? *Jawapan*: Tiada, cuma saya mahu beritahu polis, betul-betul itu candu yang polis angkat bukan saya punya, itu saja." Nyata di sini tetuduh tidak ada langsung menyebut mengenai peranan abangnya. Beliau hanya membuat satu penafian sahaja (a bare denial), Sayugia diingat pernyataan beramaran ini telah diberikan oleh tertuduh pada hari yang sama beliau ditangkap iaitu pada 5 Februari 1987. Dan tertuduh mengakui bahawa pernyataan beramaran tersebut diberikannya kepada polis dengan sukarela dan telah dijadikan barang kes bagi pihak pembela dan ditandai D38.

Barang diingat hakikat bahawa abang tertuduh Wong Chew Chye telah dituduh menjadi pengedar dadah dan beliau sendiri mengaku menjual candu kepada kawannya tidaklah membebaskan tertuduh daripada tuduhan mengedar dadah dalam kes ini. Keterangan fakta yang ketara dalam kes ini ialah tertuduh didapati duduk mengadap candu yang menjadi hal perkara tuduhan kira-kira 1/2 kaki sahaja daripadanya. Dan tertuduh gagal menyangkal fakta ini.

Wong Chew Chye (SB7), abang tertuduh, dalam keterangan atas sumpahnya di Mahkamah membuat beberapa pengakuan. Beliau mengaku bahawa candu yang dijumpai di bilik pertama adalah kepunyaannya dan Madam Leong untuk kegunaan mereka sendiri. Tetapi dalam nada yang sama beliau mengaku ada menjualkannya kepada kawan-kawannya bila diminta. "*Put*: If for your own consumption, the dacing was not required? *A:* I have to know the weight of the opium, sometimes when my friends required them, we gave them a few packets. We sell to them." Apa yang jelas kelihatan dalam keterangannya adalah bertentangan yang ketara dengan saksi-saksi lain dalam kes ini. Beliau mengaku bahawa beliau adalah penghisap candu yang sederhana sahaja tetapi keterangan SP7, SP8, tertuduh, SB2, SB3 dan SB6 menonjolkan beliau sebagai seorang kaki candu yang teruk. Beliau mengaku bahawa beliau adalah pesalah utama dalam D46B; Madam Leong hanya seorang pembantunya sahaja sedangkan dalam keterangan lisannya di Mahkamah beliau menuduh bahawa Madam Leong adalah pesalah utama yang menyebabkan beliau dan tertuduh ditangkap. Beliau seterusnya berkata bahawa beliau berpendapat bahawa Madam Leong merancang kesemuanya ini oleh sebab Madam Leong ada berkata demikian dalam tidurnya. SB7 mengaku bahawa alat-alat penghisap candu yang ditandai P20, P22, P25, P27A-C, P28 A & B, P31 dan P33 A & B yang dijadikan barang kes adalah kepunyaannya sendiri dan disimpan di dalam bilik pertama. Tetapi keterangan pihak pendakwa jelas menunjukkan alat-alat tersebut telah dijumpai dan dirampas dari bilik kedua. SB7 mengaku bahawa candu masak dan candu mentah, masing-masing telah dibawa ke premises No. 53-7A, Jalan Barat, olehnya sendiri dan Madam Leong, tetapi dalam nada yang sama mengaku bahawa candu tersebut diproses di premises tersebut. SB7 mengatakan dalam

keterangannya bahawa Madam Leong telah datang mendiami premises No.53-7A, dengan hanya membawa satu beg barang lapan atau tujuh hari sebelum Tahun Baru Cina 1987 sedangkan tertuduh, SB2, SB3 dan SB6 mengatakan dalam keterangannya Madam Leong mula tinggal di premises tersebut pada tahun 1985 atau 1986.

Sehubungan dengan ini tertuduh pula dalam keterangannya berkata bahawa minuman keras (arak) ada dihidangkan pada malam makan malam di Restoran Tai Tong sedangkan SB7 berkata sebaliknya. Tertuduh seterusnya berkata bahawa pada malam kejadian tersebut apabila SB7 dan Madam Leong keluar pergi makan malam di Jalan Sultan, pintu bilik pertama tidak tertutup dan lampu di dalamnya terpasang walhal SB7 dalam keterangannya berkata bahawa pintu bilik pertama tertutup rapat ("She pulled the door hard. I heard the bang"). Tertuduh dalam keterangannya berkata bahawa beliau telah bertengkar dengan Madam Leong semasa dalam perjalanan ke Salak South New Village mengenai bayaran makan malam di Restoran Tai Tong yang berjumlah RM500 tapi SB7 kata bayaran RM400 sahaja sedangkan SB7 berkata bahawa tertuduh bertengkar dengan Madam Leong dalam perjalanan balik ke premises 53-7A mengenai hal tertuduh hendak meminjam wang RM500 daripada SB7. Tertuduh berkata bahawa beliau melawati premises 53-7A dua kali seminggu sedangkan SB7 pula berkata tertuduh melawat premises tersebut sekali dalam 10 hari dan kadang-kadang 2 kali sebulan. SB2 pula berkata tertuduh melawat premises tersebut pada hari Sabtu atau Ahad. Tertuduh berkata bahawa beliau telah diberitahu oleh abangnya SB7 bahawa Madam Leong adalah seorang pelacur. Ini telah dinafikan sendiri oleh SB7. SP8 pula dalam keterangannya berkata kipas angin meja di bilik pertama adalah kepunyaannya sendiri dan ini bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh SB7. SB7 berkata kipas angin tersebut telah dibeli oleh Madam Leong sendiri.

Berhubung dengan keterangan SB2 dan SB3 pula, mereka berkata bahawa mereka tidak tinggal di premises 53-7A selepas berlakunya kejadian tersebut. Tetapi SB6 mengatakan bahawa mereka masih tinggal di sana. Dan SB7 berkata bila beliau berpindah ke Flet Choo Cheng Kay bersama Madam Leong SB2, SB3 dan SB6 mengetahuinya dan SB7 sentiasa menghubungi mereka di premises tersebut, malahan melawati mereka setiap hari oleh sebab burung-burungnya masih berada di sana. Fakta ini dinafikan oleh SB2, SB3 dan SB6.

SB6 pula berkata dalam keterangannya bahawa sewa premises tersebut telah tertunggak bayaran semenjak bulan Mac 1987 sedangkan SB7 pula berkata bahawa sungguhpun beliau telah berpindah ke Flet Choo Cheng Kay, beliau terus membayar sewa premises tersebut hingga bulan Jun 1987.

SB2 pula berkata bahawa P35 di mana candu tersebut dijumpai telah disimpan tertutup di balconi premises tersebut sedangkan SB7 pula mengatakan bahawa P35 telah diletakkan terpasang di bilik pertama.

Dari keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pembela seperti yang tersebut di atas maka sangatlah jelas dan kerana bahawa keterangan mereka penuh bukan sahaja dengan pertentangan keterangan di antara mereka, malah keterangan demi keterangan mereka menjadikan pembelaan tertuduh bertambah curiga dan sangsi dan semata-mata rekaan sahaja. Oleh itu jelaslah bahawa cerita yang dibawakan oleh pihak pembela sangat-sangat dicurigai dan sengaja dibuat-buat.

Keterangan yang berlawanan dan bertentangan di antara saksi-saksi pihak pembela ini adalah satu kelemahan utama bagi kes pihak pembela.

Hakikatnya dalam kes ini adalah tertuduh telah ditemui duduk di dalam bilik pertama mengadap sebuah meja bulat (P35), kira-kira 1/2 kaki sahaja jaraknya daripada candu yang terletak di atas meja bulat tersebut. Ini adalah jelas terletak di atas meja bulat tersebut. Ini adalah jelas

dari keterangan pihak pendakwa melalui SP3 dan SP5. Dalam soalan semula SP5 telah berkata, "Saya tidak rampas pakaian oleh kerana tidak perlu sebab tertuduh sedang mengadap meja bulat di mana barang-barang kes dirampas." Setelah meneliti dengan cermat dan mempertimbangkan segala keadaan disekitar kes ini, saya membuat kesimpulan bahawa tertuduh memang sedang duduk mengadap sebuah meja bulat (P35) dalam bilik pertama, kira-kira setengah kaki jaraknya daripada barang kes yang terletak di atas P35 dan barang kes tersebut adalah candu yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini. Tertuduh mengakui bahawa bilik pertama dihuni oleh anak perempuannya (SP8) yang pada masa berlakunya kejadian tersebut SP8 tidak berada di bilik tersebut kerana melawat ibunya Yuat Meng di Singapura. Tertuduh mengakui bahawa beliau melawat anak perempuannya dua kali seminggu. Oleh itu adalah munasabah beliau berada di bilik anak perempuannya pada masa kejadian tersebut berlaku. Hanya dengan cerita tertuduh bahawa yang abangnya bersama dengan teman wanitanya menghuni bilik kedua dan pertama (bersama-sama dengan anak perempuannya) di rumah No. 53-7A, Jalan Barat adalah kaki candu dan bahawa abangnya telah ditahan di bawah seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (D46 A & B) atas alasan bahawa abangnya pernah ada terlibat dengan aktiviti pengedaran candu dengan dibantu oleh Wong Choo Weng (seorang lagi adik Wong Chew Chye) dan Madam Leong tanpa keterangan lanjut belum cukup untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa. Malahan hakikat bahawa abangnya, Wong Choo Weng (seorang lagi adik abangnya) dan Madam Leong yang dituduh terlibat dengan aktiviti pengedaran candu seperti yang tertera dalam D46B memperkuatkan lagi kes pihak pendakwa oleh sebab ternyata tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai candu tersebut; sementelahan pula tertuduh didapati berhadapan kira-kira hanya 1/2 kaki sahaja jaraknya daripada candu tersebut yang terletak di atas P35, tersusun rapi seperti dalam P2A yang berada di bilik anak perempuannya SP8 yang dilawatinya setiap minggu. Dan tertuduh gagal menjelaskan mengenai pendekatan fizikalnya dengan candu yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini.

Dan dari segi undang-undang beban menafikan anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 terletak di bahu tertuduh. Dan tertuduh gagal membuat penafian tersebut dalam pembelaan. Tertuduh gagal menafikan fakta bahawa mengapa candu tersebut berada kira-kira 1/2 kaki jaraknya daripadanya. Tertuduh gagal menafikan fakta bahawa mengapa beliau berdepan kira-kira 1/2 kaki jaraknya daripada candu yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini. Selain daripada tertuduh mengatakan beliau tidak berada di bilik pertama dan candu tersebut "bukan saya punya" tidak ada penjelasan langsung mengenai kedekatan fizikal tertuduh dengan candu yang menjadi hal perkara tuduhan. Oleh hal yang demikian dengan kegagalan tertuduh menjelaskan perkara ini, saya berpendapat bahawa kedekatan fizikal tertuduh dengan candu tersebut dengan disokong oleh fakta bahawa bilik tersebut dengan disokong okleh fakta bahawa bilik tersebut dihuni oleh anak perempuannya Wong Foong Ching (SP8) yang dilawatinya setiap minggu ternyata candu tersebut adalah dimiliki sepenuhnya oleh tertuduh. Seperti kata Raja Azlan Shah H (pada masa itu seorang Hakim) "But he failed to consider the other circumstances which, taken together, may well be that the element of possession was proved. That circumstance is the physical proximity of the respondent to the exhibit in question." (Lihat kes *Public Prosecutor lwn. Foo Jua Eng* [1966] 1 MLJ 197). Saya berpuashati bahawa pihak pembela telah gagal menyangkal anggapan statutori di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah timbul terhadap yang tertuduh dengan berdasarkan imbangan kebarangkalian.

Pada akhir kes pihak pembela, saya mendapati bahawa pihak pembela tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwa ataupun terhadap kebersalahan tertuduh. Pihak pendakwa telah membuktikan kesnya hingga tidak ada was-was yang munasabah.

Saya berpuashati bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai candu tersebut yang berada di dalam jagaannya dan oleh itu candu tersebut adalah dimiliki sepenuhnya oleh tertuduh.

Dengan itu, saya mendapati tertuduh bersalah dan menyabitkannya dengan tuduhan tersebut.

Dalam hujah peringanan peguambela tertuduh telah mengemukakan perkara di bawah:

1. Tertuduh berumur 53 tahun.
2. Mempunyai seorang anak perempuan Wong Foong Ching (SP8).
3. Ini kesalahannya pertama di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.
4. Memohon pengurangan hukuman (leniency).

Timbalan Pendakwa Raya pula mengemukakan enam sabitan dahulu; kesemuanya mengenai dadah berbahaya yang dilakukan pada tahun 1973 hingga tahun 1982. Keenam-enam sabitan dahulu ini telah dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh dan beliau mengakui kesemuanya adalah benar.

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang hukuman Mahkamah ke atas tertuduh ialah tertuduh dibawa dari Mahkamah ke penjara yang sah dan kemudian ke tempat melaksanakan hukuman dan tertuduh digantung hingga mati.

Also found at [1990] 2 CLJ 585